



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERLU SEGERA SELESAI RUNDINGAN, NEGARA, KOSMO-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	LEMBU SELUDUP DARI THAILAND BERISIKO BAWA MAUT, DALAM NEGERI, UM-28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	BERNAS ADJUSTS PRICES OF IMPORTED WHITE RICE, BIZ & FIANCE, THE SUN-15	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI (PIP)
4.	BERNAS LOWERS IMPORTED WHITE RICE PRICE, BUSINESS TIMES, NST-5	
5.	PEMBEKAL MASIH BELUM TURUNKAN HARGA BERAS, NASIONAL, SH-8	
6.	GENERATIONAL GAP WIDENING IN AGRICULTURE SECTOR, NATIONAL, THE SUN-4	LAIN-LAIN
7.	BERNAS PERKASA INISIATIF PERTANIAN LESTARI INDUSTRI PADI, NEGARA, KOSMO-14	
8.	TEROKA PELUANG TANAM "ROCK MELON", LOKAL, HM-13	
9.	3,000 BOT TERBABIT SEPANJANG MUSIM CANDAT, LOKAL, HM-13	
10.	PEMATUHAN SYARIAH, HALAL DI TAHAP SEDERHANA, SINAR ISLAM, SH-22	
11.	20 LALUAN HARAM SELUDUP LEMBU, NASIONAL, SH-15	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	KOSMO	NEGARA	8

KPKM perlu segera selesai rundingan

PETALING JAYA – Para pegawai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarah untuk segera meneruskan rundingan lanjut bersama pihak berkuasa Pertanian Russia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, rundingan itu khususnya dalam mempercepatkan proses pengesahan pusat penyembelihan serta urusan import dan eksport produk pertanian di antara kedua-dua negara.

Arahan itu dinyatakan susulan sesi meja bulat bersama para pemain industri di Russia semalam.

“Seperti yang saya tegaskan dalam sesi meja bulat tersebut, semua prosedur ini perlu dimuktamadkan sebelum

penghujung tahun ini.

“Saya amat yakin dengan komitmen serta kepakaran barisan pegawai KPKM. Insya-Allah, misi ini akan dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme,” katanya menerusi kenyataan di Facebook semalam.

Katanya, kerjasama erat di antara Malaysia dan Russia dalam bidang pertanian bukan sahaja membuka peluang akses pasaran antarabangsa yang lebih luas, tetapi juga memperkukuh jaminan keselamatan makanan negara.

“Usaha ini selari dengan agenda berterusan Kerajaan Madani untuk memastikan kestabilan dan daya tahan rantaian bekalan makanan demi kesejahteraan rakyat,” tambahnya.



PEGAWAI kanan KPKM mengadakan sesi meja bulat bersama para pemain industri di Russia semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Lembu seludup dari Thailand berisiko bawa maut

KOTA BHARU: Kawalan sempadan Malaysia-Thailand negeri ini terus diperketatkan dalam usaha membendung kemasukan lembu-lembu seludup negara jiran yang dibimbangi terkena jangkitan antraks sekali gus boleh membawa maut kepada orang ramai.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, kebimbangan itu berasas selepas Thailand merekodkan satu kematian akibat jangkitan antraks telah direkodkan pada 1 Mei lalu.

“Bila masuk secara haram (seludup) lembu-lembu ini tidak menjalani proses kuarantin oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

“Jadi kita tidak dapat periksa (penyakit) membuatkan kita risau sama ada haiwan itu mempunyai penyakit atau sebaliknya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan Polis Kelantan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Mohd. Yusoff memberitahu, pihaknya menjangkakan aktiviti penyeludupan lembu meningkat menjelang sambutan Hari Raya



MOHD. Yusoff Mamat (tengah) memakaikan pangkat kepada pegawainya semasa Perhimpunan Bulanan Polis Kelantan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Aidiladha tidak lama lagi untuk tujuan ibadah korban kerana harganya murah dan permintaan tinggi haiwan tersebut.

“Situasi itu menyebabkan orang ramai sanggup mengambil risiko memilih harga murah berbanding faktor keselamatan,” katanya.

Katanya, setakat ini hampir 20 pangkalan haram di sepan-

jang Sungai Golok telah dikenal pasti sebagai lokasi penyeludupan lembu bermula dari Rantau Panjang sehingga ke Jeli.

Katanya, sepanjang tahun lalu sebanyak 390 ekor lembu dan 25 kerbau seludup telah berjaya dirampas pihak berkuasa sempadan termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	THE SUN	BIZ & FINANCE	15

Bernas adjusts prices of imported white rice

► Company says proactive measure is to support govt's efforts in enhancing national food security

SHAH ALAM: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) has reaffirmed its role as a strategic partner in national food security by implementing the price adjustment for imported white rice (BPI).

This is in line with the announcement made by the Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Effective yesterday, all BPI prices at Bernas warehouses across Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak will be adjusted to RM2,600 per metric ton.

However, the government's BPI subsidy programme for Sabah and Sarawak will continue as usual.

In a statement, Bernas explains that this proactive measure reflects the company's continuous commitment to supporting the government's efforts in safeguarding the nation's food supply resilience and mitigating the impact of rising global market prices.

This allows consumers to purchase

imported rice at a lower price, thereby supporting efforts to ease the cost of living.

Previously, on Dec 1, 2024, Bernas reduced the BPI price from RM3,000 to RM2,800 per metric ton.

Malaysia continues to offer the lowest BPI prices in the Southeast Asian region.

Bernas reassures that the nation's supply is sufficient to cater to domestic needs.

The company highlights that it continues to source rice from other countries such as Vietnam, Thailand, and Myanmar.

This diversified sourcing strategy is aimed at reducing reliance on a single source, safeguarding the national stockpile and ensuring the nation's rice supply remains secure.

As the concessionaire under its agreement with the government, Bernas remains committed to managing a sustainable stockpile and ensuring the continuous availability of rice

across the country.

Bernas also remains committed to its social responsibility by supporting the farmers' community.

Following Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's February announcement, RM90 million in special aid was channelled by Bernas to the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) to support the Madani government's efforts to uplift underprivileged paddy farmers.

The fund, entirely contributed by Bernas without the use of public funds, was disbursed in two phases.

The first phase of RM60 million was released in stages, with the final installment of RM15 million completed on March 5.

The additional RM30 million in cash aid was fully paid to the government on March 28.

Bernas will continue to collaborate closely with KPKM and industry stakeholders, reinforcing its commitment to strengthening national food security.

The company remains dedicated to supporting the ministry's long-term action plan, with a focus on prioritising farmers' welfare and ensuring the sustainability of the national rice supply.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	NST	BUSINESS TIMES	5

RM2,600 PER TONNE

Bernas lowers imported white rice price

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) has adjusted the price of imported white rice to RM2,600 per tonne at its warehouses nationwide, effective yesterday.

Bernas said the government's imported white rice subsidy programme for Sabah and Sarawak will continue as usual.

It said the measure reflects its commitment to safeguarding the nation's food supply resilience and mitigating the impact of rising prices.

Bernas last reduced the imported white rice price to RM2,800 from RM3,000 per tonne in December last year.

It said the nation's supply is sufficient to cater for domestic needs as it continues to source from countries such as Vietnam, Thailand and Myanmar.

"This diversified sourcing strategy is aimed at reducing reliance on a single source, safeguarding the national stockpile and ensuring the nation's rice supply remains secure. As the concessionaire



under its agreement with the government, Bernas remains committed to managing a sustainable stockpile and ensuring the continuous availability of rice across the country," it said in a statement.

Bernas also channelled a special aid for padi farmers through the Agriculture and Food Security Ministry to improve the livelihood of underprivileged farmers.

The fund was disbursed in two

phases. The first phase of RM60 million was released in stages, with the final instalment of RM15 million on March 5. An additional RM30 million aid was fully paid to the government on March 28.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Pembekal masih belum turunkan harga beras

Selepas 24 jam kerajaan umum harga beras putih import turun

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Setakat ini masih belum ada pembekal memaklumkan harga beras putih import (BPI) akan diturunkan sepertimana yang diumumkan oleh kerajaan.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, sedangkan pengumuman itu dibuat sudah melebihi tempoh 24 jam.

Menurut beliau, sebetulnya rakyat mahukan penurunan harga di pasaran secara serta merta.

"Namun kita tidak boleh berbuat demikian kerana pembekal tidak turunkan harga walaupun sudah lebih 24 jam pengumuman tersebut. Sekarang belum ada satu pun pembekal yang beritahu harga akan turun kepada RM2,600 per tan metrik, kalau kita jual beras yang harga asal RM34 akan jadi RM32.

"Oleh itu, kita nak menteri marah pembekal supaya turun harga cepat. Kos murah kita pun boleh jual murah kepada pelanggan," jelasnya.

Pada Rabu, Kementerian Pertanian



Stok beras putih import di pasaran mencukupi meskipun kerajaan mengumumkan penurunan harga kepada RM2,600 per tan metrik di semua pintu gudang Padiberas Nasional Berhad (Bernas).



AMEER ALI

dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengumumkan penyalarsan BPI diselaraskan kepada RM2,600 per tan metrik di seluruh negara berkuat kuasa Khamis.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan berkata, tindakan tersebut merupakan pelarasan kali kedua selepas penurunan harga pada 1 Disember tahun lalu daripada RM3,000 kepada RM2,800 per metrik tan.

Langkah berkenaan dilihat sebagai kesinambungan usaha kerajaan menstabilkan harga makanan ruji negara di tengah cabaran ekonomi semasa.

Pelaksanaan harga baharu itu dijangka memberi penjimatan ketara kepada pengguna, dengan pengurangan antara RM2 hingga RM3 bagi setiap kamplit beras 10 kilogram di pasaran runcit.

Ditanya mengenai bekalan BPI selepas kerajaan umum harga diturunkan lagi, beliau memberitahu, tiada masalah mengenai perkara tersebut.

"BPI di pasaran kekal mencukupi meskipun kerajaan mengumumkan penurunan harga kepada RM2,600 per tan metrik di semua pintu gudang Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

"Buat masa sekarang stok BPI tidak mengalami sebarang gangguan.

"Bagaimanapun kita harap KPKM akan hubungi pembekal pastikan harga di pasaran juga diturunkan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Generational gap widening in agriculture sector

➤ Perceptions as being low-income, labour-intensive and lack of status continue to deter youth participation: Ministry

■ BY FAIZ RUZMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia is grappling with a widening generational gap in its agriculture sector, despite increased government funding and push toward modernisation.

According to a Bernama report, Khazanah Research Institute stated that only 15% of the country's agriculture workforce is under the age of 40, while the average age of padi farmers now stands at 60. This figure raises red flags over long-term food security.

In a written response to *theSun*, The Agriculture and Food Security Ministry acknowledged that perceptions of agriculture as "low-income, labour-intensive and lacking status" continue to deter youth participation.

The ministry cited that the combination of financial barriers, land access issues and limited exposure to modern techniques as core challenges.

"Agriculture is frequently associated with traditional, physically demanding labour and low financial returns.

"As a result, many youths consider agriculture unattractive compared to urban-based careers in technology, services or finance, despite the increasing potential of modern agribusiness and agrotechnology," the ministry said.

It stated that even if youths manage to start agricultural businesses, they face difficulties in accessing stable markets, value chains and reliable post-harvest infrastructure, such as cold storage and logistics.

"Without efficient supply chain networks or market linkages, many young agropreneurs struggle to achieve profitability or scale-up. This creates a discouraging cycle of low returns and limited growth prospects," the ministry said.

Despite the challenges, government initiatives, such as the Young Agropreneur Programme, receive moderate participations. Since 2021, 3,242 youths have participated in the programme, receiving a combined of RM67 million in support, including startup grants and access to business advisory services. The average combined monthly revenue

among participants stands at RM17.5 million. *theSun* was able to reach out to two of the programme participants over the last few years. One such voice on the ground is Mohd Hafiz Nordin, 41, who runs an aquaculture business in Bestari Jaya, Selangor, under ARC Berkati Agrofood Sdn Bhd.

He has been in the industry for 19 years, long before the programme was formalised.

"I got involved in agropreneurship before the programme was even officially launched," Hafiz said.

Hafiz received RM30,000 in initial support, which he used to expand his tank-based fish farming operations.

However, he stressed that money alone is not enough.

"Grants help, but if you give youth money with no structured mentoring, they'll follow theory. When theory fails, so does the business,"

he said.

A similar sentiment is echoed by Farah Hidayah Chu Ahmad, 39, who received the programme assistance in 2020 for her *sambal*-based food processing business in Selangor.

"While the RM20,000 grant I received at the time was essential in scaling up my production, attracting youths to my operations has been difficult.

"Raw material costs are high and production margins are tight.

"We can't offer RM3,000 salaries to new workers when the business itself is unpredictable."

In response to the manpower gap, the government has increased its allocation for the programme to RM25 million in 2025, up from RM20 million the year before.

The start-up grant, which offers non-repayable in-kind support, was revised to provide up to RM30,000 per participant.

A new scale-up initiative was also introduced, providing up to RM50,000 to help existing youth agropreneurs expand their agribusiness ventures.



The ministry said without efficient supply chain networks or market linkages, many young agropreneurs struggle to achieve profitability or scale-up. — MASRY CHE ANI/THE SUN

Bernas perkasa inisiatif pertanian lestari industri padi

PETALING JAYA – Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menjalin kerjasama strategik bersama Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi projek 'Memacu Pertanian Lestari' kelmarin.

Bernas menerusi kenyataan berkata, pelancaran projek di Pusat Penang 2030, Paya Keladi, Kepala Batas, Pulau Pinang itu sekali gus memperkukuh komitmen terhadap kelestarian industri padi negara.

"Inisiatif berkenaan memperkenalkan penggunaan burung pungguk jelapang (tyto alba javanica) sebagai agen kawalan biologi semula jadi bagi mengatasi masalah tikus sawah antara ancaman utama kepada hasil padi petani kecil di Malaysia.

"Projek kerjasama bersama USM melalui Barn Owl and Rodent Research Group (BORG), Pusat Pengajian Sains Kajiha-yat ini ditaja sepenuhnya oleh GlobalGiving, organisasi antarabangsa yang menyokong pembangunan mampan seluruh dunia," katanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidik dan Penyelaras BORG, Dr. Hasber Salim berkata, projek berkenaan bukti bagaimana pendekatan berasaskan ekologi boleh menggantikan penggunaan racun tikus yang bertoksik dan berisiko tinggi kepada manusia, haiwan liar dan alam sekitar.

"Kami amat berterima kasih kepada GlobalGiving atas kepercayaan dan sokongan dana yang

telah diberikan.

"Projek ini memfokuskan kepada kawasan jelapang padi khususnya membantu golongan petani B40 ke arah amalan pertanian yang lebih mesra alam dan mampan," ujarnya.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang, Mohd. Zakri Zulkafli berkata, Bernas memainkan peranan penting dalam pelaksanaan lapangan, termasuk logistik, pengagihan 20 unit kotak sarang burung pungguk kepada pesawah terpilih dan pengurusan kempen kesedaran komuniti.

"Kami komited menyokong usaha inovatif ini kerana ia seiring dengan peranan Bernas sebagai pemegang taruh utama industri beras negara," ujarnya.



SESI pertukaran MoU antara Bernas dan USM bagi menjalankan kajian penggunaan burung pungguk jelapang sebagai agen kawalan biologi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

2030 PERAK SEJAHTERA

KOPERASI AGRO TERNAK MELAYU PERAK BERHAD (KATAM)

Teroka peluang tanam 'rock melon'

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Kangsar

Bermula sebagai kumpulan petani kecil-kecilan, Koperasi Agro Ternak Melayu Perak Berhad (KATAM) kini muncul perintis pertanian pintar di negeri ini.

Pengerusi KATAM, Mohd Helmi Muhammad Rozi berkata, koperasi yang ditubuhkan tiga tahun lalu itu kini dianggotai 28 petani berusia antara 35 hingga 57 tahun.

Katanya, pada peringkat awal, ahli koperasi menumpukan tanaman cili fertigasi, timun dan labu air secara sistematik dalam 20,000 beg poli di tanah seluas 1.62 hektar di Kampung Suak Petai, Manong di sini.

"Inisiatif ini bermula sekitar 2022 selepas kita mendapat kerjasama dua institut pendidikan tinggi awam (IPTA) yang membantu membangunkan robot pertanian khas dan sistem Internet Pelbagai Benda (IoT) di ladang kita.

"Sistem IoT ini membolehkan robot melakukan kerja-kerja kawalan racun dan pemantauan baja secara automatik.



NAIB Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail (kiri), Pengerusi Jawatankuasa Angkasa Perak, Mohamed Shafie Abd Karim (kanan) bersama Mohd Helmi meninjau projek tanaman rock melon milik KATAM. - Gambar ihsan KATAM

"Selain itu, kita juga mengaplikasikan teknologi rumah hijau pintar supaya dapat mencipta persekitaran yang optimal termasuk perlindungan cuaca ekstrem untuk menjamin tumbesaran tanaman tidak terganggu," katanya. Berkongsi lanjut, Mohd Helmi berkata, terbaru KATAM meneroka peluang dalam penanaman buah 'rock melon' dengan bimbingan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Ber-

had (Angkasa) yang memperuntukan bantuan modal RM30,000, Januari lalu. "Rock melon dipilih menggantikan sebahagian besar tanaman cili yang memandang harga pasaran rock melon yang lebih stabil iaitu RM6 sekilogram, berbanding cili yang kini jatuh kepada RM4 sekilogram.

"Dengan tempoh mula tanam hingga tuaian sekitar 75 hari sahaja, berat buah itu boleh mencecah

antara 2.3 hingga 2.5 kg.

"Hasil tuaian pertama rock melon kami jual semasa Hari Terbuka Ladang pada 9 hingga 11 Mei lalu dengan harga runcit sehingga RM10 sekilogram. Kita berjaya jual hampir satu tan hasil dalam tempoh tiga hari, selebihnya kita jual kepada pemborong," katanya.

Berbalik kepada tanaman cili, Mohd Helmi berkata, cabaran utama dihadapi kelompok petani kecil

ketika ini adalah ketidakpastian pasaran, kos operasi tinggi, kos input, serta persaingan dengan lambakan hasil dari projek berskala besar dan cili import dari luar negara.

"Bagi memastikan kelangsungan, kita merancang untuk hasilkan produk hiliran seperti sos cili dan cili boh.

"Ini akan bantu stabilkan harga di peringkat ladang, mengurangkan kerugian akibat lambakan serta me-

manjangkan hayat simpanan hasil cili.

"Kita sudah mula jalani kursus latihan bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan koperasi dijangka mula hasilkan produk hiliran sendiri seawal Ogos depan," kata.

Pada masa sama, koperasi turut menerima bantuan input seperti anak benih, racun dan baja daripada Jabatan Pertanian Perak, serta dana pemulihan struktur rumah pam yang rosak akibat bencana ribut menerusi Tabung Bencana Pertanian.

"Selain sektor pertanian, ahli KATAM juga mengusahakan 12 gerai makanan di Medan Selera Lepak Manong di sini dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) baru-baru ini membantu menaiktaraf medan selera ini dengan struktur berbunga melalui Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI) bagi kesejahteraan usahawan dan pengujung," katanya.

Mohd Helmi berkata, sebagai pemacu transformasi luar bandar menerusi teknologi pertanian dan kecekapan pengurusan, pihaknya komited menyokong agenda sekuriti makanan seperti digariskan dalam pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030, cetusan idea Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

Marang: Seramai 100,000 pelancong dalam dan luar negara dijangka membajiri negeri ini sepanjang musim mencandat sotong bermula April hingga Ogos tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris berkata, selain memeriahkan industri pelancongan Terengganu, ia turut memberi limpahan rezeki kepada pengusaha bot, nelayan, pengusaha inap desa dan industri makanan laut.

"Sebanyak 3,000 bot terbabit sepanjang musim candat ini dan ia adalah bonus kepada pengusaha bot dan nelayan tempatan.


"Tahun ini (candat sotong) sambutan sangat menggalakkan dengan penyertaan pelancong dan pencandat dari negara luar seperti Singapura, Filipina, Thailand dan China dan Chile..

3,000 bot terbabit sepanjang musim candat

"Tahun ini kita turut menerima penyertaan daripada rakan media luar antaranya Media Prima, TV S, Bernama dan RTM," katanya pada Majlis Pelancaran Musim Candat Sotong 2025 di Jeti Pelancongan Marang di sini, baru-baru ini.

Sempena dengan majlis pelancaran yang bertema Pakat Maghi Candat Sotong, seramai 210 peserta membabitkan 50 orang dari luar negara iaitu Thailand, Bangladesh, Chile, France, Singapura, Filipina dan China dengan menaiki 21 bot.

Menurut Razali, pihaknya sedang berunding dengan Jabatan Perikanan bagi mendapatkan permit khas mencandat sotong ba-



“100,000 pelancong dalam dan luar negara dijangka banjiri Terengganu Razali Idris”

RAZALI melekatkan replika sotong sebagai gimik pelancaran Musim Candat Sotong 2025 di Jeti Pelancongan Marang. - Gambar NSTP/ZAID SALIM

gi lebih 3,000 nelayan yang tidak memiliki lesen perikanan rekreasi (sport fishing).

Katanya, ia bagi membolehkan pengusaha bot dan nelayan kecil dan pe-

sisir pantai memperoleh pendapatan sampingan untuk menyara keluarga.

Katanya, kerajaan negeri juga mengadakan sesi libat urus dengan Jabatan Perikanan, Jabatan Laut dan beberapa agensi berkaitan

untuk membantu nelayan kecil mendapatkan permit mencandat sotong.

Sementara itu, peserta dari negara Thailand di kenali sebagai Goy, 30, berkata, dia sangat teruja untuk merasai aktiviti men-

candat sotong yang menjadi tradisi masyarakat nelayan di negeri ini.

Katanya, dia pernah menyertai aktiviti mencandat di negaranya dan penyertaannya kali ini untuk merasai perbezaan mencandat di perairan Terengganu.

"Ini kali pertama saya datang ke Terengganu dan ingin merasai keseronokan mencandat di perairan Terengganu.

"Melihat banyak video yang dimuatnaik (aktiviti candat sotong) saya teruja untuk merasainya sendiri. Sotong di sini saiznya besar tidak sama di Thailand," katanya.

Rakannya, Ploy, 31, berkata, sama seperti rakan-nya, dia turut teruja untuk merasai keseronokan menangkap sotong menggunakan alat candat.

"Saya harap ia memberi pengalaman baru dan akan berkongsi dengan rakan-sebaik pulang ke Thailand," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	SINAR HARIAN	SINAR ISLAM	22

Pematuhan syariah, halal di tahap sederhana



**DR NUR AMLIA
ABD MAJID**

Pensyarah Pusat
Tamhidi, Universiti
Sains Islam Malaysia



**DR HASHIM
AHMAD SHIYUTI**

Pensyarah Pusat
Tamhidi, Universiti
Sains Islam Malaysia

Isu utama gangguan pematuhan syariah dalam industri penternakan melibatkan penyembelihan, pemakanan dan penjagaan

PEMATUHAN syariah dalam industri penternakan merujuk kepada pelaksanaan operasi, amalan dan proses yang menepati prinsip-prinsip Islam seperti yang digariskan dalam al-Quran dan sunnah.

Dalam konteks ini, ia bermaksud memastikan setiap aspek penternakan bermula daripada pemeliharaan haiwan, pengendalian makanan ternakan, penyembelihan hingga logistik dan pemasaran perlu mematuhi hukum-hukum Islam.

Elemen seperti kebersihan, mengelakkan unsur haram dan mengekalkan nilai kesucian halal menjadi keutamaan sepanjang rantaian bekalan.

ALLAH SWT berfirman dalam ayat ke-88 surah al-Maidah: "Dan makanlah daripada apa yang telah ALLAH kurniakan kepada kamu yang halal lagi baik."

Ayat ini menegaskan kepentingan memakan makanan yang halal dan baik, yang hanya boleh dicapai melalui pematuan syariah dalam setiap aspek pengeluaran makanan, termasuk penternakan.

Gangguan pematuan syariah

Bagaimanapun berdasarkan kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti faktor gangguan rantaian bekalan dalam industri penternakan, faktor tahap pematuan syariah di Malaysia masih menjadi isu yang sering dibincangkan. Antara isu utama yang menyumbang kepada gangguan pematuan syariah ialah penyembelihan, pemakanan dan penjagaan.

Kajian mendapati purata keseluruhan pematuan syariah mencatatkan purata faktor yang rendah.

Penemuan ini menunjukkan wujudnya kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh pihak industri, penternak dan kerajaan untuk memastikan pawaian halal dapat dipatuhi dengan lebih ketat.

Antara isu utama yang menyumbang kepada gangguan pematuan syariah ialah isu sembelihan di mana ayam sembelihan mati disebabkan *stuning* atau bertindih, campuran organ sembelihan halal dengan yang tidak halal seperti hati ayam, tempat penyembelihan ayam dan babi yang bersebelahan dan juga proses sembelihan dilakukan oleh orang yang tidak bertauliah.

Terdapat juga isu pengurusan sisa haiwan ternakan yang mana pengurusan sisa sembelihan ayam tidak diuruskan dengan sempurna seperti perut dan bulu ayam.

Terdapat juga air celuran ayam yang kotor dibuang ke sekitaran dan darah sembelihan ayam dibuang terus ke sistem perparitan yang berdekatan.

Kajian jua mendapati, pengangkutan yang digunakan untuk membawa haiwan halal juga adakalanya digunakan untuk membawa haiwan tidak halal seterusnya menjadikan logistik tidak mematuhi prinsip halal.

Di dalam proses penternakan, selain situasi pengendalian haiwan, peralatan yang digunakan dalam proses penternakan dan penyembelihan juga turut menjadi kebimbangan.

Kajian yang dijalankan menunjukkan peralatan tersebut sering bercampur dengan unsur-unsur yang mencurigakan.

Situasi ini membangkitkan persoalan tentang kesedaran pengendali industri terhadap kepentingan mematuhi syariah sepenuhnya.

Lebih membimbangkan, bekalan yang disimpan di tempat tidak bersih dan bercampur dengan haiwan haram mencatatkan tahap kebersihan yang rendah.

Malah, kajian turut mendapati sesetengah penternak kurang mengambil berat terhadap perkara yang mencurigakan sepanjang proses penternakan itu berlangsung.

Pematuhan syariah memainkan peranan penting dalam industri penternakan:

1) PASTIKAN KEHALALAN PRODUK DIHASILKAN

Ia memastikan kehalalan produk yang dihasilkan seperti daging dan susu serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.



PENGURUSAN haiwan sembelihan yang bersih juga salah satu aspek pematuan syariah.

Proses ini termasuk cara haiwan dipelihara, diberi makanan yang halal dan disembelih mengikut hukum Islam.

2) LINDUNGI INTEGRITI INDUSTRI PENTERNAKAN SEBAGAI MAKANAN HALAL BERTARAF ANTARABANGSA

Dengan memenuhi pawaian halal, Malaysia dapat mengukuhkan reputasinya di pasaran global khususnya di negara-negara Islam yang memerlukan sumber makanan halal.

3) MEMBANTU MENGURANGKAN RISIKO PENCEMARAN

Amalan bercampur antara haiwan halal dan haram boleh menjejaskan status halal, bagaimanapun kawalan yang rapi mampu memastikan kebersihan dan keselamatan makanan.

4) MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI HALAL

Dalam konteks yang lebih luas, pematuan syariah juga menyokong pertumbuhan ekonomi halal yang sedang berkembang pesat.

Industri penternakan yang mematuhi syariah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, sejajar dengan visi Malaysia untuk menjadi hab halal dunia.

Bagi menangani kelemahan yang dikenal pasti, beberapa langkah penting perlu diambil:

Kerajaan perlu memperketat penguatkuasaan terhadap pematuan pawaian halal di semua peringkat rantaian bekalan, termasuk penyimpanan, pengangkutan dan penyembelihan.

Penguatkuasaan peraturan ini perlu diiringi dengan program pendidikan dan kesedaran kepada penternak.

Program latihan yang menyeluruh dapat membantu penternak memahami kepentingan pematuan syariah dan akibatnya jika tidak dipatuhi.

Proses pemantauan dan audit halal perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan pengamal industri mematuhi standard.

Halal logistik juga harus diberi perhatian. Pengangkutan khas yang digunakan hanya untuk haiwan halal perlu diwujudkan bagi mengelakkan pencemaran.

Penggunaan teknologi moden juga memainkan peranan penting dalam memastikan pematuan syariah.

Teknologi seperti blockchain boleh digunakan untuk menjejak rantaian bekalan dan memastikan kehalalan setiap langkah.

Kesimpulannya, pematuan syariah dalam industri penternakan bukan sekadar tuntutan agama, tetapi menjadi elemen penting dalam membangunkan industri yang berintegriti dan mampan.

Dengan memastikan setiap aspek operasi memenuhi prinsip Islam, keperluan pengguna Muslim dapat dipenuhi dengan lebih baik.

Pada masa yang sama, reputasi Malaysia sebagai peneraju industri halal dapat diperkukuh di peringkat global.

Kerjasama antara kerajaan, industri dan penternak diperlukan untuk memastikan pematuan syariah menjadi keutamaan.

20 laluan haram seludup lembu

Polis perkukuh risikan, rondaan di sekitar Jeli dan Rantau Panjang

Oleh HAZELI LANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Terdapat hampir 20 laluan haram di sekitar Jeli dan Rantau Panjang digunakan sindiket penyeludupan untuk membawa masuk lembu secara haram ke negara ini melalui Sungai Golok.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat ketika men-dedahkan perkara itu berkata, kawasan terbabit dikenal pasti mempunyai struktur muka bumi yang memudahkan aktiviti jenayah tersebut dilakukan.

"Laluan-laluan itu terletak di lokasi air sungai yang cetek serta kawasan sempit, sekali gus membolehkan penyeludup membawa masuk lembu dengan lebih mudah dan pantas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Mohd Yusoff berkata, untuk 2025 bermula Januari hingga April



Mahkamah & Jenayah

Sungai yang cetek dan laluan sempit memudahkan penyeludup membawa masuk lembu secara haram ke negara ini.

sebanyak 299 ekor lembu dan 19 kerbau berjaya dirampas dan angkanya meningkat jika dibandingkan sepanjang 2024 iaitu hanya 390 lembu dan 25 kerbau.

Ujarnya, dalam tempoh empat bulan nilai rampasan mencecah RM2.5 juta berbanding sepanjang tahun lalu dan Januari hingga Disember iaitu hanya RM3 juta.

Mohd Yusoff memberitahu, Pasukan Gerakan Am (PGA) kekal sebagai penyumbang utama kejayaan dengan 95 peratus daripada keseluruhan lembu yang dirampas.

"Ia diikuti ATM (Angkatan Tentera Malaysia), Polis dan PPM (Pasukan Polis Marin). Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan Polis Kelantan bersama agensi keselamatan lain dalam mengekang aktiviti penyeludupan rentas sempadan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan terus memperkukuh risikan, rondaan dan kerjasama antara agensi demi menjaga keselamatan negara dan memastikan aktiviti penyeludupan dapat dibanteras sepenuhnya.

10 BERITA SINAR HARIAN
PALING TRENDING
SETAKAT JAM 5 PETANG KHAMIS

1 KAVAK-KAVAK 10 TAHUN
DIBAKAR 'HIDUP-HIDUP'
OLEH EMPAT KAWAN

2 PENJENAYAH MAUT
DITEMBAK DI BUKIT
JAMBUL

3 'KALAU MACAM ARIF AIMAN
BERBALOILAH BAYAR
MAHAL'

4 PETUA TELAN NASI SELEPAS
TERTELAN TULANG IKAN
RAGUT NYAWA

5 PENGAWAL KESELAMATAN
BERHENTI DI LAMPU
ISYARAT MAUT DIREMPUH
LORI

6 MARAHKAN SUAMI, ISTERI
BERI EMPAT ANAK MINUM
RACUN

7 ISRAEL SERANG PANGKALAN
RAKAT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	15